

PNB serah zakat perniagaan RM5.38 juta kepada Melaka

KUALA LUMPUR 7 Jun - Permodalan Nasional Bhd. (PNB) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM5.38 juta kepada kerajaan negeri Melaka dalam satu majlis yang diadakan di Pejabat Ketua Menteri, semalam.

PNB dalam kenyataannya memberitahu, zakat perniagaan itu telah diserahkan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron merangkap Pengerusi Zakat Melaka.

Jelasnya, pembayaran zakat yang dibuat telah dikira mengikut haul dan nisab yang sudah ditetapkan.

Yang turut hadir dalam majlis itu ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Naim Abu Bakar; Mufti Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil; Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka, Datuk Yaakub Md. Amin dan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Datuk Ibrahim Fadzil.

“Zakat perniagaan oleh PNB

ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

“Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah berkenaan,” jelasnya.



ABDUL WAHID OMAR menyerahkan replika cek zakat perniagaan kepada Idris Haron di Melaka, kelmarin.